



26 MAY, 2024

FAMA Fest sasar jualan Rm7.3 juta tahun ini

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Fest sasar jualan RM7.3 juta tahun ini

NILAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan jualan RM7.3 juta melibatkan 580 usahawan bagi penganjuran FAMA Fest seluruh negara tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA Encik Abdul Rashid Bahri berkata, sasaran itu melibatkan lapan penganjuran FAMA Fest bermula Februari lepas hingga Disember ini.

Beliau berkata, penganjuran acara itu sejak 2017 merekodkan jualan RM24 juta melibatkan 2,180 usahawan serta menarik 2.2 juta pengunjung.

"Bagi Negeri Sembilan, FAMA menasaskan jualan RM250,000 dengan kedatangan 10,000 pengunjung dalam program empat hari bermula semalam di kawasan tapak parkir Aeon Nilai di sini.

"Saya melihat pelbagai produk tempatan di negeri ini dapat diketengahkan di peringkat antarabangsa," katanya dalam ucapannya pada Majlis Perasmian FAMA Fest 2024@Negeri Sembilan di sini, kelmarin.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, program tersebut membuka peluang usahawan tempatan mengeksport produk ke pasaran antarabangsa seperti Hong Kong, China dan Thailand dengan potensi jualan sebanyak RM2 juta.

Dalam program itu, Aminuddin turut menyampaikan insentif geran berjumlah RM480,650 kepada 32 penerima meliputi tujuh projek FAMA termasuk Pembangunan Produk Usahawan Mikro IMAT, naik taraf Agrobazaar K-Shoppe, Agrobazaar

K-Shoppe Baru serta Program Pembangunan dan Penjenamaan Produk Usahawan Melalui Kerjasama Pihak Industri Berkepakaran (PIB).

Antara tarikan utama FAMA Bye Fest 2024@Negeri Sembilan ialah penawaran pelbagai produk makanan asas tani dan produk segar selain Kombo MADANI dan beras putih tempatan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi negeri Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata kerajaan negeri

menerima aduan daripada penternak lembu dan kambing yang berdepan isu lambakan serta memerlukan bantuan FAMA untuk memasarkan ternakan mereka.

"Saya mencadangkan kepada FAMA mencari pendekatan terbaik supaya penternak tidak berasa rugi, saya yakin ada pelbagai kaedah dapat digunakan.

"Negeri Sembilan tidak ada kekurangan daging menjelang Aidiladha, jadi para penternak dinasihatkan menjual pada harga berpatutan," katanya. - Bernama



REBUT PELUANG... Orang ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi dan membeli belah pelbagai barangan hasil dari ladang serta barangan asa yang dijual pada harga murah pada Program Fama Fest 2024 @Negeri Sembilan di perkarangan Aeon Nilai, kelmarin. • Foto BERNAMA



26 MAY, 2024

FAMA Fest sasar jualan Rm7.3 juta tahun ini

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FAMA Fest sasar jualan RM7.3 juta tahun m NILAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan jualan RM7.3 juta melibatkan 580 usahawan bagi penganjuran FAMA Fest seluruh negara tahun ini. Ketua Pengarah FAMA Encik Abdul Rashid Bahri berkata, sasaran itu melibatkan lapan penganjuran FAMA Fest bermula Februari lepas hingga Disember ini. Beliau berkata, penganjuran acara itu sejak 2017 merekodkan jualan RM24 juta melibatkan 2,180 usahawan serta menarik 2.2 juta pengunjung.